



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah

**KENYATAAN SEBUTHARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO. SEBUTHARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUTHARGA	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
086/2024/0003	CADANGAN PEROLEHAN PENGGANTIAN PERKAKASAN CORE SWITCH UNTUK KEGUNAAN 4 BUAH MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) DI PAHANG	210105	15/02/2024 Hingga 22/02/2024	23/2/2024 Pendaftaran : 10.00 Pagi Tingkat 19, Bangunan Medan MARA, Jalan MARA, 50609, Kuala Lumpur.	RM5.00	4/3/2024 (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebutharga seperti alamat di atas. Sila bawa cop Syarikat yang lengkap bagi memudahkan proses pendaftaran. **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebutharga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT/PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang dibenarkan menghadiri taklimat sebutharga dan lawatan tapak dan pembelian dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh **MARA** semasa menghadiri taklimat sebutharga.

Tawaran ini dilaksanakan melalui dalam talian (online). Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen, hanya Pembekal yang telah mendaftar syarikat dengan **SENNEGO** dan diluluskan untuk menyertai **Pasaran MARA** serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan **DIBENARKAN** untuk membuat pembelian no. pin dengan nilai seperti yang tercatat di atas. Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat perkhidmatan pelanggan **SENNEGO** di talian 03-78854111/79855287 atau emel kepada speedhelpdesk@commercedc.com.my.

3. Pembelian no. pin sebutharga boleh dibuat melalui <https://bayar.maraeps.my> kepada pembida yang telah diluluskan dalam Pasaran MARA. Tempoh akhir pembelian no. pin atas talian ialah pada 23/02/2024 jam 12.00 tengah hari. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan penajaan no. pin boleh menghubungi Kaunter Sebutharga di talian 03-26132259/32224/32262.
4. Pembekal juga boleh mendapatkan no. pin di Kaunter Sebutharga (Tingkat 2) Ibu Pejabat MARA atau Pejabat MARA Negeri dengan membuat pembayaran melalui **Draf Bank/Kiriman Wang/Debit Card** atas nama **Majlis Amanah Rakyat (MARA)** dengan mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempoh untuk semakan:
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** dan berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.

5. Pembelian dokumen sebutharga secara bersemuka boleh dibeli pada hari bekerja mengikut Negeri (**8.30 pagi - 1.00 petang**)/(**2.00 petang - 4.30 petang**) Hari Isnin - Khamis, (**8.30 pagi - 12.15 tengah hari**)/(**2.45 petang - 4.30 petang**) Hari Jumaat. Dokumen tawaran sebutharga tidak akan dijual selepas tempoh ini. Pembelian dokumen sebutharga hendaklah menggunakan Kod Nominal **001 - 013 - 086 - 73105**.
6. **MARA** tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan pembekal sekiranya no.pin tidak dapat dijana disebabkan kegagalan pembekal berdaftar dengan **Sennego** serta diluluskan menyertai **Pasaran MARA** atau lain-lain maklumat yang tidak dikemaskini oleh pembekal. **MARA** tidak akan mengembalikan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebutharga bagi setiap sebutharga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebutharga sahaja.

Sebutharga akan diproses oleh pihak MARA pada hari bekerja dan pembekal akan menerima emel makluman apabila no. pin telah dijana.

7. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen sebutharga melalui laman web www.sennego.com mulai **15/02/2024 hingga 22/02/2024**. Sebarang pengesahan pelawaan kali pertama selepas **26/02/2024** tidak akan dilayan.
8. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak **0.4% atau 0.7%** bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap invoice mengikut terma dan syarat pembekalan. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
9. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
10. Sekiranya pembekal memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen sebutharga (hard copy) yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER SEBUTHARGA) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Sebelum atau pada tarikh tutup sebutharga jam 12.00 tengah hari

11. Pembekal juga dikehendaki memuat naik dokumen (*soft copy*) sebutharga yang lengkap secara dalam talian (*online*). Dokumen sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebutharga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
12. Sebarang urusan sebutharga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.